

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini akan memberi tumpuan kepada membincangkan dapatan kajian dan membuat cadangan serta kesimpulan berdasarkan dapatan ini. Secara amnya, tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar di sebuah sekolah swasta terpilih di Subang Jaya. Kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan di sekolah swasta, serta juga membandingkan masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima dan tiga di sekolah swasta.

#### **5.1 Perbincangan Dapatan Kajian**

##### **5.1.1 Masalah Pelajar**

Kajian ini mendedahkan bahawa masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar sekolah swasta ialah dalam bidang kerjaya. Masalah pelajaran dan sekolah pula merupakan bidang masalah yang kedua paling banyak dihadapi oleh pelajar. Ini diikuti pula oleh masalah dalam bidang sosial, moral dan rakan sebaya. Masalah lain yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta mengikut urutan kepentingan ialah masalah keluarga, masalah kewangan dan akhir sekali, masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.

Pelajar sekolah swasta nampaknya memberi penekanan yang tinggi kepada aspek kerjaya dalam kehidupan mereka. Ini terbukti melalui analisis yang dibuat terhadap respons dalam soal selidik yang dikemukakan kepada mereka, di mana bidang kerjaya dikenalpasti oleh majoriti pelajar sebagai bidang masalah utama mereka. Pelajar sekolah swasta menghadapi pelbagai masalah dalam bidang ini yang meliputi masalah kekurangan pengetahuan mengenai kerjaya, latihan kerjaya, pemilihan kerjaya dan jangkaan kerjaya di masa hadapan.

Ramai pelajar merasakan bahawa mereka memerlukan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pekerjaan yang sedia ada. Ini adalah kerana hanya dengan adanya maklumat yang jelas mengenai sesuatu pekerjaan, pelajar dapat melakukan pemilihan kerjaya yang paling sesuai untuk mereka. Sebilangan besar pelajar ini juga menghadapi masalah berkaitan dengan jangkaan kerjaya di masa hadapan dan ragu-ragu dengan kebolehan mereka melakukan sesuatu kerja dengan baik. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar sekolah swasta meletakkan kejayaan seseorang individu dalam kerjayanya di tempat yang tertinggi. Mereka merasakan bahawa seseorang individu itu perlu berupaya melakukan kerjanya dengan baik jika mahu berjaya dalam kerjayanya.

Seperkara yang jelas melalui dapatan kajian dalam bidang masalah ini ialah, oleh kerana pelajar sekolah swasta tergolong dalam kumpulan SES tinggi, motivasi dan harapan yang besar yang diletakkan oleh ibu bapa mereka terhadap kerjaya anak-anak, menyebabkan pelajar ini memberi penekanan kepada mendapatkan kerjaya yang terbaik untuk diri mereka. Hal ini, menyebabkan mereka menemui pelbagai masalah dalam memenuhi impian untuk menceburi kerjaya idaman mereka.

Pelajar sekolah swasta juga menghadapi pelbagai masalah dalam bidang pelajaran dan sekolah. Masyarakat umumnya, mempunyai tanggapan yang kurang tepat mengenai pelajar sekolah swasta. Pelajar sekolah swasta sering dianggap sebagai golongan yang kurang menghadapi masalah pelajaran kerana mereka tidak mempunyai masalah kewangan dalam mengikuti apa sahaja kursus yang mereka mahu. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini membuktikan bahawa tanggapan seperti ini adalah salah. Walaupun pelajar sekolah swasta kurang menghadapi masalah dari segi perbelanjaan menanggung pelajaran, mereka menghadapi masalah dari segi pembelajaran, kebolehan belajar dan suasana belajar.

Kerisauan mengenai prestasi mereka dalam peperiksaan khasnya dan pencapaian di sekolah amnya, sering membenggu pelajar ini. Pelajar juga risau akan suasana pembelajaran di kelas yang kurang memuaskan, kerana ianya boleh menjelaskan prestasi akademik mereka. Respons pelajar di dalam soal selidik yang dikemukakan kepada mereka jelas menunjukkan bahawa mereka ragu-ragu akan kebolehan mereka menghadapi pelajaran dan kerja sekolah, lebih-lebih lagi kerana mereka akan menghadapi peperiksaan PMR dan SPM pada penghujung tahun. Kegagalan atau prestasi yang rendah dalam peperiksaan boleh menyebabkan pelajar tidak boleh mengikuti kursus-kursus yang mereka minati atau kursus-kursus yang sehaluan dengan cita-cita mereka.

Selain dari masalah kerjaya dan pelajaran, pelajar sekolah swasta juga berhadapan dengan masalah sosial, moral dan rakan sebaya. Masalah di bidang ini meliputi masalah kesedaran moral, kemahiran sosial dan pengaruh rakan sebaya. Ramai di

antara pelajar ini yang merasa bahawa tidak ada seorang pun yang memahami diri mereka. Pelajar ini juga mudah keliru tentang apa yang betul dan salah dan sering bertindak tanpa berfikir. Ini adalah perkara yang menjadi lumrah dalam kehidupan remaja yang berada dalam peringkat peralihan dari kanak-kanak ke dewasa. Pada masa-masa tertentu mereka dikehendaki bersikap seperti kanak-kanak dan ada pula masanya mereka dikehendaki bersikap matang dan dewasa. Ini menyebabkan remaja keliru dan kekeliruan ini sering mendatangkan masalah.

Dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa pelajar sekolah swasta memberi keutamaan kepada pendapat dan persepsi orang lain tentang diri mereka. Mereka juga mudah terpengaruh dengan tekanan rakan sebaya dan suka mengikut ‘trend’ kumpulan sebaya mereka. Kegagalan mengikut trend -ini boleh menyebabkan mereka disisihkan oleh rakan-rakan.

Pelajar sekolah swasta juga berhadapan dengan masalah keluarga, terutamanya dari segi perhubungan dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Seperkara yang jelas ditunjukkan oleh dapatan kajian dalam bidang masalah ini ialah kewujudan jurang komunikasi yang luas di antara pelajar dengan ibu bapa mereka. Sebilangan besar pelajar menghadapi kesukaran membincangkan masalah tertentu dengan ibu bapa mereka. Pelajar ini juga sering terpaksa memenuhi harapan tinggi yang diletakkan oleh ibu bapa mereka untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Dapatan kajian dalam bidang masalah keluarga ini walaubagaimanapun menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi dalam aspek keluarga adalah tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan masalah dalam bidang kerjaya, bidang pelajaran atau bidang

sosial, moral dan rakan sebaya. Ini mungkin disebabkan oleh budaya hidup orang Asia yang mementingkan perhubungan kekeluargaan dan sudah membiasakan diri dengan krisis-krisis kecil yang menjadi lumrah dalam kehidupan berkeluarga.

Masalah kewangan pula adalah merupakan salah satu daripada bidang masalah yang paling kurang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta. Seperkara yang jelas melalui respons pelajar dalam soal selidik yang dikemukakan dalam kajian ini ialah sebilangan pelajar ini mahukan kebebasan ekonomi. Masalah seperti 'ingin membeli lebih banyak barang untuk diri-sendiri' dan 'ingin mendapat wang untuk diri-sendiri' jelas menunjukkan kemahuan ini. Oleh itu bolehlah dirumuskan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta adalah lebih kepada masalah kekurangan perbelanjaan memenuhikehendak-kehendak diri dan untuk tujuan hiburan. Mereka jarang menghadapi masalah kewangan yang boleh membantutkan peluang-peluang pendidikan bagi mereka.

Dari segi bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, pelajar sekolah swasta kurang menghadapi masalah yang mengganggu kesihatan mereka. Ini mungkin disebabkan latar belakang keluarga mereka yang mempunyai kemampuan untuk mendapatkan rawatan perubatan terbaik dan juga mampu menyediakan pemakanan yang seimbang yang boleh mempengaruhi perkembangan fizikal pelajar ini. Respons pelajar dalam bidang masalah ini menunjukkan bahawa mereka menghadapi masalah dari segi persepsi diri seperti menganggap diri terlalu kurus atau gemuk dan menganggap diri tidak menarik. Ini tidaklah menghairankan kerana sudah menjadi kebiasaan remaja di peringkat persekolahan yang mementingkan rupa fizikal dan populariti di kalangan rakan-rakan mereka.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa pelajar sekolah swasta banyak menghadapi masalah kerjaya dan masalah berkaitan pelajaran dan sekolah, di mana di antara 19 item masalah yang ditandakan oleh lebih dari 50 peratus dari jumlah pelajar, 12 daripadanya ialah item berkaitan dua bidang masalah ini. Pelajar sekolah swasta juga menghadapi masalah sosial, moral dan rakan sebaya serta juga masalah keluarga. Selain dari itu, mereka juga menghadapi masalah dari segi kewangan dan kesihatan ,tetapi masalah ini hanya dialami oleh sebilangan kecil pelajar sahaja.

#### **5.1.2. Perbandingan Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan.**

Apabila dibandingkan keenam-enam bidang masalah pelajar lelaki dan perempuan di sekolah swasta adalah didapati bahawa urutan kepentingan bidang masalah yang diadapi oleh kedua-dua golongan pelajar ini adalah sama, iaitu masalah kerjaya, masalah pelajaran dan sekolah, masalah sosial, moral dan rakan sebaya, masalah keluarga, masalah kewangan dan akhirnya, masalah kesihatan dan perkembangan fizikal. Walaupun tidak terdapat perbezaan di antara urutan kepentingan bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan, terdapat pula sedikit perbezaan pada peratus pelajar lelaki dan perempuan yang menandakan item-item tertentu sebagai masalah mereka.

Walaupun terdapat perbezaan-perbezaan seperti ini, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah tidak ketara. Ujian t yang dilakukan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan antara bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan bahawa tidak terdapat

perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah di antara dua golongan pelajar ini kecuali dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratus pelajar lelaki yang menandakan item-item dalam bidang masalah pelajaran dan sekolah adalah lebih tinggi dari peratus pelajar perempuan yang menanda item-item dalam bidang ini. Ini mungkin disebabkan kerana remaja lelaki yang bersekolah lebih menumpukan perhatian terhadap aktiviti-aktiviti yang mengkehendaki mereka bergerak aktif di kalangan rakan sebaya mereka seperti sukan dan hiburan lain. Ini menyebabkan sebahagian dari mereka sering mengabaikan kerja sekolah dan menghadapi pelbagai masalah dalam bidang ini.

Walaubagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam bidang masalah lain. Ini bukanlah sesuatu yang luarbiasa kerana dalam era moden ini, setiap individu tanpa mengenal jantina menghadapi pelbagai masalah. Malah masalah-masalah yang dahulunya selalu dihadapi oleh lelaki sudah mula dihadapi oleh perempuan. Ini adalah kerana faktor persekitaran dan perubahan budaya masyarakat yang sudah mula memberi peluang-peluang yang sama kepada kaum lelaki dan perempuan. Kalau dahulunya wujud satu jurang perbezaan yang besar di antara harapan dan aspirasi hidup kaum lelaki dan perempuan, sekarang ini jurang perbezaan ini sudah semakin berkurangan. Masalah remaja sudah menjadi masalah “universal” yang sukar dipisahkan oleh perbezaan jantina.

### **5.1.3 Perbandingan Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar Tingkatan Lima dan Pelajar Tingkatan Tiga.**

Apabila dibandingkan keenam-enam bidang masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga di sekolah swasta adalah didapati bahawa pelajar tingkatan lima menghadapi lebih banyak masalah kerjaya dan diikuti dengan masalah pelajaran dan sekolah. Sebaliknya, pelajar tingkatan tiga pula menghadapi lebih banyak masalah pelajaran dan sekolah, diikuti dengan masalah kerjaya. Urutan kepentingan keempat-empat bidang masalah yang lain adalah sama iaitu masalah sosial, moral dan rakan sebaya, masalah keluarga, masalah kewangan dan akhir sekali masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.

Ujian t yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah kerjaya dan masalah pelajaran dan sekolah di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga. Walaubagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya, bidang masalah keluarga, bidang masalah kewangan dan bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal di antara dua golongan pelajar ini.

Dalam bidang kerjaya, pelajar tingkatan lima lebih banyak menghadapi masalah dibandingkan dengan pelajar tingkatan tiga. Ini mungkin disebabkan kerana kebanyakan pelajar sekolah swasta, tidak berminat untuk memasuki tingkatan enam selepas tamat tingkatan lima. Mereka lebih berminat mengikuti kursus-

kursus tertentu di kolej-kolej swasta di dalam dan di luar negeri. Hal ini menyebabkan mereka mula memikirkan tentang kerjaya yang mahu mereka ceburi kerana mereka perlu memilih kursus yang bersesuaian dengan kerjaya pilihan mereka. Ramai di antara pelajar ini yang menghadapi pelbagai masalah dalam membuat pilihan ini. Pelajar tingkatan tiga pula lebih memikirkan hal pelajaran dibandingkan dengan kerjaya. Ini adalah kerana mereka akan menduduki peperiksaan PMR dan mahu mencapai kejayaan terbaik dalam peperiksaan ini. Oleh kerana peperiksaan PMR merupakan peperiksaan penting yang pertama yang akan mereka duduki di sekolah menengah, pelajar tingkatan tiga merasa tertekan dan kerisauan ini menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah dalam bidang pelajaran.

Walaubagaimanapun, terdapat persamaan masalah di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga dalam keempat-empat bidang masalah yang lain iaitu bidang masalah sosial, moral dan rakan sebaya, bidang masalah keluarga, bidang masalah kewangan serta bidang masalah kesihatan dan perkembangan fizikal.

## **5.2 Kesimpulan**

### **5.2.1 Implikasi Kajian**

Pada keseluruhannya, implikasi utama kajian ini ialah menunjukkan bahawa pelajar remaja di sekolah swasta khasnya dan remaja amnya, menghadapi pelbagai jenis masalah. Masalah ini meliputi masalah dalam bidang kerjaya, masalah pelajaran, masalah sosial, moral dan rakan sebaya, masalah keluarga,

masalah kewangan serta masalah kesihatan dan perkembangan fizikal. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan temuan kajian-kajian yang dilakukan sama ada oleh pengkaji tempatan atau luar negeri.

Dapatan kajian ini, sememangnya bersesuaian dengan pendapat yang diutarakan oleh Hall bahawa zaman remaja yang sedang dialami oleh pelajar merupakan satu peringkat ‘storm and stress’, iaitu satu tahap kehidupan yang penuh dengan tekanan dan kekeliruan. Hal ini terbukti apabila ramai pelajar yang ‘keliru tentang apa yang betul dan salah’, ‘merasa bahawa tiada seorang pun yang memahami mereka’, ‘bercakap atau bertindak tanpa berfikir’ dan ‘melukakan perasaan orang lain’. Hall berpendapat bahawa pada peringkat remaja inilah seseorang individu menghadapi pelbagai masalah yang mengganggu diri, yang berbangkit dari proses peralihan dan penyesuaian dari alam kanak-kanak untuk memasuki ke alam dewasa.

Dapatan kajian ini yang mendedahkan bahawa masalah kerjaya merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar juga menyokong teori perkembangan kerjaya yang diusulkan oleh Ginsberg. Pelajar dalam kajian ini berada dalam peringkat pemilihan kerjaya yang dipanggil oleh Ginsberg sebagai peringkat tentatif. Ini terbukti apabila ramai dari pelajar yang memerlukan ‘pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pelbagai pekerjaan’ dan ‘ingin mengetahui maklumat kerjaya di bidang-bidang tertentu.’

Dapatkan kajian ini juga mempunyai banyak persamaan dengan hasil kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Kajian yang dilakukan

oleh Chiam menunjukkan bahawa pelajar banyak menghadapi masalah pelajaran serta masalah personal-psikologi. Kajian yang dilakukan oleh Wang Chee Seng terhadap pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah bandar juga mendedahkan bahawa pelajar ini banyak menghadapi masalah pelajaran dan sekolah. Ciri-ciri masalah pelajar yang dikenalpasti oleh Jamaliah Ahmad iaitu masalah dalam bidang kerjaya, pelajaran dan peribadi juga mempunyai banyak persamaan dengan dapatan kajian ini.

Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini agak bertentangan dengan temuan kajian Zawahil Nor terhadap beberapa sekolah swasta di Kelantan. Menurut pengkaji ini, masalah utama yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta ialah masalah sosial dan kesedaran moral. Tetapi dapatan kajian ini pula membuktikan bahawa walaupun pelajar sekolah swasta menghadapi masalah sosial dan moral, namun ianya bukanlah menjadi masalah paling utama. Implikasinya di sini ialah bahawa adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa pelajar sekolah swasta menghadapi masalah keruntuhan moral hanya kerana status dan gaya hidup mereka yang lebih terdedah kepada unsur-unsur ala-barat.

Implikasi kajian ini seterusnya ialah memberi kesedaran kepada pelbagai pihak bahawa langkah-langkah yang efektif perlu diambil untuk membantu golongan pelajar menangani masalah mereka. Pihak-pihak tertentu harus menyedari hakikat bahawa bukan hanya pelajar di luar bandar sahaja yang menghadapi masalah. Pelajar dari kawasan bandar atau pelajar dari sekolah swasta juga menghadapi pelbagai masalah yang jika tidak ditangani dengan berkesan, boleh

membawa kesan negatif kepada kehidupan masa hadapan pelajar ini. Secara tidak langsung, ini boleh merugikan negara kerana hanya dengan adanya pelajar yang cergas dan berwibawa, negara akan mempunyai bekalan pemimpin yang berkebolehan dan berwawasan.

### **5.2.2 Cadangan – Cadangan**

Kajian ini mendedahkan bahawa pelajar menghadapi banyak masalah dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, mereka memerlukan bantuan dari pelbagai pihak untuk mengurangkan masalah mereka.

Bantuan perlulah bermula di peringkat keluarga. Ibu bapa perlu memahami bahawa anak-anak remaja mereka berada dalam satu fasa hidup yang mengelirukan dan mereka memerlukan pertolongan mengatasi kekeliruan itu. Adalah tidak memadai jika anak-anak diberi wang dan segala permintaan mereka ditunaikan. Apa yang penting ialah mereka perlu diberi tunjuk ajar dan peluang untuk mencapai potensi maksimum diri mereka. Ibu bapa perlu mewujudkan satu keadaan keluarga yang selesa, dan tidak tertekan untuk kebahagiaan anak-anak mereka. Aktiviti anak-anak perlulah dijaga tetapi kebebasan yang memadai juga perlu diberikan supaya anak itu merasa dipercayai dan disayangi.

Di peringkat sekolah pula, guru kaunseling serta guru-guru lain bolehlah merancang aktiviti dengan memikirkan keperluan pelajar. Maklumat mengenai kerjaya dan kursus-kursus di institusi pengajian tinggi bolehlah diberikan kepada pelajar. Pelajar yang manghadapi masalah pelajaran pula bolehlah

dibantu oleh guru matapelajaran tertentu. Malah pelajar yang menghadapi masalah keluarga atau peribadi, bolehlah diberikan bimbingan oleh guru kaunseling. Sekolah-sekolah swasta yang tidak menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk pelajar mereka, perlulah menyedari kepentingan mengadakan perkhidmatan ini.

Di peringkat Kementerian Pendidikan pula, dalam merangka kursus bagi bakal guru atau kaunselor sekolah, mereka perlulah didedahkan kepada pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar supaya lebih bersedia apabila menjalankan tugas kelak. Satu langkah efektif yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membantu mengurangkan masalah pelajar ialah mewajibkan semua sekolah menengah di negara ini sama ada sekolah kerajaan atau sekolah swasta mengadakan unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.

Secara umumnya, banyak lagi kajian untuk mengenalpasti masalah pelajar sekolah swasta perlu dibuat. Oleh kerana kajian ini menggunakan sampel sebanyak 120 pelajar sahaja, maka dicadangkan kajian seumpama ini dilakukan dengan menggunakan sampel yang lebih besar, supaya pengesahan terhadap dapatan kajian ini bolah dilakukan.

Kajian ini hanya terhad kepada mengenalpasti masalah pelajar di sekolah swasta sahaja. Adalah akan lebih berguna lagi jika satu kajian perbandingan dibuat untuk melihat perbezaan di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta dan pelajar sekolah kerajaan.